

D338

B B411 AAB
MAHATHIR - MT R R R

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEGESAHKAN BAHAWA MAJLIS TERTINGGI UMNO AKAN BERMESYUARAT AHAD INI.

SEMASA DITEMUI OLEH PEMBERITA BERNAMA DI DEWAN RAKYAT, BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BAGAIMANAPUN ENGGAN MEMBERITAHU AGENDA MESYUARAT ITU KELAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA ENGGAN MENGULAS SAMA ADA SOAL PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA HITAM MERUPAKAN ANTARA PERKARA YANG AKAN DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT ITU KELAK.

KEMUDIAN SEMASA HENDAK MENINGGALKAN DEWAN RAKYAT PARA PEMBERITA MENERGUMUNI BELIAU UNTUK BERTANYA MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN KEADAAN DI SABAH.

MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, BELIAU CUMA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA= +SAYA TIDAK TAHU.+ -- LAGI.
1910MST 18 03 86

D339

B B412 AAB
MAHATHIR - MT 2 KUALA LUMPUR R R R

PADA 27 FEB. DATUK MUSA TELAH MENYERAHKAN SURAT PERLETAKAN JAWATAN SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI, TIMBALAN PRESIDEN UMNO DAN MENTERI DALAM NEGERI.

BELIAU TELAH MENARIK BALIK PERLETAKAN JAWATANNYA SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN UMNO SELEPAS BERUNDING DI LONDON DENGAN ROMBONGAN EMPAT ORANG MENTERI BESAR YANG DIHANTAR OLEH MT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA ENGGAN MENJAWAB SAMA ADA DATUK MUSA AKAN MENGHADIRI MESYUARAT ITU .

BELIAU SEKADAR BERKATA= +SEMUA ORANG AKAN TAHU KELAK (SAMA ADA DATUK MUSA HADIR ATAU TIDAK APABILA MESYUARAT DIADAKAN)+. -- LAGI.
1911MST 18 03 86

D341

B B413 AAB
MAHATHIR - MT 3 KUALA LUMPUR R R R

APABILA DITANYA SAMA ADA MT TELAH MENERIMA PERLETAKAN JAWATAN DATUK MUSA, BELIAU HANYA TERSENYUM DAN MENGGELENG-GELENGKAN KEPALA.

SEMENTARA ITU SATU SUMBER MT BERKATA BIASANYA TIDAK ADA SESUATU AGENDA DITETAPKAN BAGI SESUATU MESYUARAT MT.

MENURUT SUMBER ITU, CUMA MEREKA DIBERIKAN PEMBERITAHUAN MENERUSI SURAT ATAU TELEGRAM MENGENAI MESYUARAT MT YANG AKAN DIADAKAN.

LAZIMNYA, MENURUT SUMBER ITU, PRESIDEN UMNO AKAN MEMBERI TAKLIMAT KEPADA MESYUARAT MT TENTANG ISU-ISU SEMASA ATAU HASIL LAWATANNYA KE LUAR NEGERI SELAIN MEMBINCANGKAN SOAL-SOAL SEMASA.

SUMBER ITU YAKIN MESYUARAT MT AHAD INI AKAN DIBERI TAKLIMAT OLEH KETUA ROMBONGAN MT ITU MENGENAI PERBINCANGANNYA DENGAN DATUK MUSA DI LONDON BARU-BARU INI. -- LAGI.

1915MST 18 03 86

D344

B B415 AAB
MAHATHIR - MT 4 KUALA LUMPUR ☺ ☺ ☺

ROMBONGAN ITU DIPIMPIN OLEH MENTERI BESAR TERENGGANU DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD YANG JUGA SEORANG NAIB PRESIDEN UMNO.

ANGGOTA-ANGGOTA LAIN IALAH MENTERI BESAR JOHOR DATUK ABDUL AJIB AHMAD, MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB DAN MENTERI BESAR PAHANG DARUL MAKMUR DATUK NAJIB TUN RAZAK YANG JUGA NAIB KETUA PEMUDA UMNO.

MENURUT SUMBER ITU LAGI HANYA PARA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI MELAKA SAHAJA TELAH DIBERITAHU SECARA RASMI TENTANG HASIL PERJUMPAAN DI LONDON ITU.

SUMBER ITU BERKATA ANGGOTA-ANGGOTA MT YANG LAIN BELUM LAGI DIBERI TAKLIMAT MENGENAINYA.

MAJLIS TERTINGGI UMNO MEMPUNYAI 36 ORANG ANGGOTA TERMASUK KESEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI MELAKA. -- BERNAMA.

1922MST 18 03 86